

**BAB DUA**

## BAB 2

### DOSA WARISAN SEBAGAI ASAS KEPERCAYAAN KEPADA JESUS CHRIST SEBAGAI PENYELAMAT

#### A . PENDAHULUAN

Dalam bab yang lalu, penulis menerangkan bahawa dosa warisan adalah asas utama ke arah pembinaan akidah yang mempercayai bahawa Jesus Christ sebagai penyelamat manusia di sisi Gereja Roman Katholik. Lanjutan daripada itu, bab ini akan menghuraikan mengenai dosa warisan di dalam Gereja Roman Katholik secara tuntas dan terperinci. Perbincangan di bawah meliputi konsep, kepentingan dan hubungannya dengan Jesus Christ sebagai penyelamat manusia daripada dosa warisan. Perbincangan dibuat bagi membuktikan bahawa dosa warisan adalah landasan terpenting di dalam menerapkan kepercayaan bahawa Jesus Christ adalah penyelamat manusia daripada kemurkaan Tuhan.

#### B . DEFINISI DOSA WARISAN MENURUT GEREJA ROMAN KATHOLIK

Terdapat pelbagai pengertian yang merujuk kepada istilah dosa warisan di dalam agama Kristian. Walau bagaimanapun, secara umumnya ia diletakkan sebagai satu bentuk kesalahan yang bertentangan dengan peraturan Tuhan yang telah diabaikan oleh Adam dan Eve. Untuk menjelaskan perkara ini dengan lebih

lanjut, kajian ini menyoroti pengertian dan konsep dosa warisan dari aspek bahasa dan pendapat sarjana Katholik.

Di dalam *The Oxford Reference Dictionary*, istilah dosa warisan disebut sebagai *origin sin*<sup>51</sup>. Ada juga buku-buku lain yang menggunakan istilah *original sin* atau *inherited sin*. Perkataan *origin* sebagaimana yang diertikan ke dalam bahasa Melayu bererti asal atau punca; manakala *original* pula bererti pertama atau asal<sup>52</sup>. Oleh itu *original sin* dari segi bahasanya boleh difahami sebagai dosa pertama yang mula-mula dilakukan. Menurut Gereja Roman Katholik dosa ini adalah merujuk kepada dosa yang mula-mula sekali dilakukan oleh Adam dan Eve.

Kadangkala dosa warisan didefinisikan sebagai perbuatan yang melanggar peraturan agama apabila perbuatan yang dilakukan adalah di dalam keadaan sengaja. Ianya dikategorikan sebagai suatu kesalahan yang serius dan merupakan suatu perbuatan yang bertentangan dengan perkara yang dibenarkan. Di dalam *Websters Unified Dictionary and Encyclopedia* pula, dosa warisan ditakrifkan sebagai kesalahan yang melanggar peraturan-peraturan Tuhan dengan melakukan suatu perbuatan yang dilarang<sup>53</sup>. Makna yang hampir sama juga dinyatakan di dalam *Dictionary of Moral Theology* yang menyatakan dosa warisan merupakan dosa akibat Adam dan Eve yang melanggar undang-undang Tuhan yang terjadi

<sup>51</sup> Joyce M. Hawkins (1986), *The Oxford Reference Dictionary*. Oxford: Clarendon Press. Hal. 772

<sup>52</sup> Zainal Abidin Safarwan (1992), *Kamus Inggeris Melayu Dewan. An English-Malay Dictionary* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, cet. 2. Hal. 1081.

<sup>53</sup> Lewis Melford Adams (1953), *Websters Unified Dictionary and Encyclopedia*. Kanada: H S Stuttman Co. Hal. 3093.

kerana pilihan sendiri yang bersumber daripada pemikiran, perbuatan dan pengabaian<sup>54</sup>.

Definisi dan takrif di atas menunjukkan bahawa dosa warisan menurut Gereja Roman Katholik didefinisikan sebagai perbuatan yang dilakukan secara sengaja dan bertentangan dengan perintah Tuhan. Perbuatan dosa tersebut adalah berpunca daripada perbuatan Adam dan Eve yang menolak cinta dan kasih sayang Tuhan yang mengasihi mereka. Ia adalah dosa yang diwariskan kepada seluruh manusia.

#### C . DOSA WARISAN DI DALAM *THE HOLY BIBLE*

Penjelasan mengenai dosa warisan yang dipercayai berpunca daripada perbuatan Adam dan Eve telah disebut di dalam bentuk cerita di dalam *Old Testament*. *Genesis 3: 1-24* telah memaparkan peristiwa Adam dan Eve turun ke bumi yang dianggap sebagai titik tolak kepada kewujudan dosa warisan di dunia ini. Hal tersebut terjadi kerana *serpent*<sup>55</sup> telah berjaya menghasut Adam dan Eve agar melanggar larangan Tuhan<sup>56</sup>. Ekoran daripada itu, Adam merupakan orang yang pertama melakukan dosa. Akibatnya, mereka berdua telah dicampak ke dunia dan secara tidak langsung dosa yang dilakukan oleh mereka juga turun bersama-sama

<sup>54</sup> Francesco Cardinal Roberti (1962), *Dictionary of Moral Theology*. London: Burns & Oates. Hal. 1134.

<sup>55</sup> Syaitan yang menjelma sebagai ular. Lihat *Genesis 3: 1*.

<sup>56</sup> Larangan yang dimaksudkan itu ialah tegahan daripada memakan sejenis buah yang berada di Surga. Lihat *Genesis 3: 3*. Menurut ulama Islam buah tersebut dikenali sebagai buah Khuldi. Lihat Ahmad Abdullah Basmeih (1988), *Tafsir Pimpinan Rahman*. cet. 9. Kuala Lumpur: BAHEIS. Hal. 798.

memasuki dunia. Justeru, Adam dan Eve adalah penyebab kepada hilangnya bentuk kebenaran dalam diri manusia sebagai makhluk yang bebas daripada dosa dan kejahatan.

:

Kesan daripada kesalahan yang dilakukan itu menyebabkan jiwa manusia lebih suka melihat keburukan dan kejahatan. Implikasi dari kesalahan itu juga roh manusia telah ternoda dan jasadnya pula menjadi tidak suci. Manusia selanjutnya telah mengalami penyakit selalu ingin melakukan dosa dan kejahatan. Di samping itu juga, manusia menjadi amat mudah diperdaya oleh Syaitan. Keadaan ini telah menyebabkan Tuhan murka kepada Adam dan keturunannya. Justeru Adam dan Eve merupakan orang yang bertanggungjawab menyebabkan kemurkaan Tuhan kepada generasi manusia. Adam dan Eve juga dipersalahkan kerana dosa kesalahan mereka itu telah diwariskan kepada keturunannya melalui proses pembiakan<sup>57</sup>.

Berhubung dengan dosa warisan lagi, *The Old Testament (Psalm 51:5)* ada menyatakan:

*"Surely I was sinful at birth, sinful from the time my mother conceived me."*

Keterangan *The Old Testament* di atas menunjukkan bahawa manusia telah berdosa sejak dilahirkan. Adam dan Eve adalah dianggap bertanggungjawab dalam memindahkan dosanya daripada generasi ke generasi. *The New Testament*

<sup>7</sup> John Hick (1985), *Evil and the God of Love*. London: The Macmillan Press Ltd. Hal. 206.

menguatkan keterangan di atas dengan menyatakan bahawa kedatangan dosa ke dunia berpunca dari hukuman terhadap kesalahan yang dilakukan oleh Adam dan Eve di Eden.

:

Idea dan konsep doktrin dosa warisan ini turut didasarkan kepada *Epistle of Paul*. Ini jelas dapat dilihat berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang dinyatakan oleh Paul yang menekankan bahawa manusia bersifat tidak kekal iaitu akan mati akibat daripada dosa pertama yang dilakukan oleh Adam. Hukuman dosa tersebut telah ditebus oleh Tuhan dengan kematian Jesus Christ. *The New Testament (Romans 5:12-21)* menyatakan:

*"Therefore, just as sin enterd the world through one man, and death through sin, and in this way death came to all men, because all sinned - for before the law was given, sin was in the world. But sin is not taken into account when there is no law. Nevertheless, death reigned from the time of Adam to the time of Moses, even over those who did not sin by breaking a command, as did Adam, who was a pattern of the one to come. But the gift is not like the trespass. For if the many died by the trespass of the one man, how much more did God's grace and the gift that came by the grace of the one man, Jesus Christ, overflow to the many! Again, the gift of God is not like the result of the one man's sin: The judgement followed one sin and brought condemnation, but the gift followed many trespasses and brought justification. For if by the trespass of the one man, death reigned through that one man, how much more will those who receive God's abundant provision of grace and of the gift of righteousness reign in life through the one man, Jesus Christ. Consequently, just as the result of one trespass was a condemnation for all men, so was justification that brings life for all men. For just as through the disobedience of the one man the many were made sinners, so also through the obedience of the one man the many will be made righteous. The law was added so that the trespass might increase. But where sin increased, grace increased all the more, so that, just as sin reigned in the death, so also grace might reign trough righteousness to bring eternal life through Jesus Christ our Lord."*

Manusia akan berterusan dengan dosa sehingga Tuhan mengutus Son of Man dan Son of God untuk menebus dan menyelamat umat manusia daripada kemurkaan dan hukuman-Nya<sup>58</sup>.

‡

#### D. DOSA WARISAN SEBAGAI ASAS AKIDAH GEREJA ROMAN KATHOLIK

Doktrin dosa warisan merupakan salah satu doktrin terpenting dalam Gereja Roman Katholik. Idea doktrin dosa warisan ini dipercayai diasaskan oleh St. Paul. Pada awalnya, idea dosa warisan telah menimbulkan perselisihan yang hebat di kalangan penganut Kristian. Perselisihan itu secara rasminya telah diselesaikan melalui persidangan yang diadakan pada tahun 325 M di Nicea<sup>59</sup>. Kemenangan golongan Athanasius telah menyebabkan golongan yang mengikut ajaran St. Paul menjadi lidah rasmi kerajaan Rom. Penguasaan ajaran St. Paul ini memberikan kesempatan kepada St. Augustine (354M-430M)<sup>60</sup> menjadikan dosa warisan sebagai asas akidah di dalam agama Kristian. Oleh itu St. Augustine (354M-430M) dikatakan sebagai penyusun dan pengasas kepada doktrin dosa warisan yang diperkenalkan oleh St. Paul. Kebijaksanaan St. Augustine di dalam mengadunkan dosa warisan dengan peranan Jesus Christ sebagai penyelamat telah diterima oleh masyarakat Kristian kini khususnya Roman Katholik sebagai tonggak akidah agama Kristian. Penerimaan akidah ini disokong kuat oleh Persidangan Trent yang

<sup>58</sup> Ulasan lanjut mengenai perkara tersebut akan dibahaskan di dalam bab tiga. *Infra*. Bab tiga. Hal. 64-66.

<sup>59</sup> *Supra*. Bab satu. Hal. 29.

<sup>60</sup> St. Augustine dilahirkan pada tahun 354 Masehi di Algeria. Beliau adalah pengasas falsafah dan akidah Gereja Roman Katholik. Buku tulisan beliau telah menjadi rujukan utama penganut Katholik iaitu *The City of God* dan *The Confession of Saint Augustine*. Untuk maklumat lanjut mengenai St. Augustine dan falsafah ajarannya sila lihat Joroslav Pelikan, et. al. (1992). *World Religions*. London: Simon & Schuster Publishing Macmillan. Hal. 354.

diadakan pada tahun-tahun 1545-1563M yang bersetuju menetapkan bahawa kesalahan Adam dan Eve di Taman Eden telah menyebabkan penderitaan kepada jasad dan roh manusia<sup>61</sup>.

‡

Menurut Emil Brunner, salah seorang sarjana Barat-Kristian, Gereja Roman Katholik mempercayai bahawa Adam telah melanggar perintah Tuhan apabila beliau memakan buah larangan di Syurga<sup>62</sup>. *Serpent* telah berjaya memujuk Adam dan Eve agar melanggar perintah larangan Tuhan yang melarang mereka memakan buah tersebut di Eden. Godaan itu telah berjaya menundukkan mereka.

Di dalam hal ini **Genesis 3:4-5** ada merakamkan:

*"You will not surely die," the serpent said to the women. "For God knows that when you eat of it your eyes will be opened, and you will be like God, knowing good and evil."*

Ekoran daripada itu, kedua-duanya telah dikeluarkan dari Syurga dan diturunkan ke dunia. Kesalahan mereka ini dianggap suatu dosa yang kemudiannya diwarisi oleh keturunannya. Menurutnya lagi, manusia pada asalnya diciptakan dalam keadaan yang baik dan sempurna. Hubungan manusia dengan Tuhan juga begitu harmoni. Malangnya, hubungan itu terputus ekoran keinginan manusia (Adam dan Eve) untuk menjadi Tuhan (ingin hidup kekal dan serba tahu)<sup>63</sup>.

<sup>61</sup> James Hastings (1920), *Encyclopedia of Religion and Ethics*. Hal. 562.

<sup>62</sup> Emil Brunner (1952), *The Christian Doctrine of Creation and Redemption Dogmatics* Philadelphia: The Westminster Press, vol. ii. Hal. 91.

<sup>63</sup> *Ibid.*

Tuhan dikatakan amat murka akibat daripada kesalahan itu dan ingin menjatuhkan hukuman kepada manusia. Walau bagaimanapun, sifat kasih sayang Tuhan telah melebihi kemurkaan-Nya. Justeru dengan limpah dan rahmat-Nya, Tuhan telah mengampunkan manusia dengan cara menjelmaan dirinya sebagai Jesus Christ untuk menebus dosa yang dilakukan oleh manusia. Namun kesan dosa akibat sifat ingin menjadi seperti Tuhan itu telah menguasai diri menyebabkan manusia (keturunan Adam) telah melanggar batas-batas yang telah ditentukan oleh Tuhan. Akibatnya manusia telah menjadi rosak dan berdosa<sup>64</sup>.

Menurut kepercayaan Gereja Roman Katholik lagi, selain daripada dosa dan kematian yang diwariskan kepada keturunan Adam, kecenderungan untuk melakukan dosa turut diperturunkan kepada manusia. John Hick di dalam bukunya *Evil and the God of Love* menegaskan bahawa kecenderungan itu wujud kerana ia adalah sebahagian daripada warisan psiko-fizikal manusia. Kenyataan John Hick itu menyamai ajaran St. Paul yang menegaskan bahawa kesalahan manusia melakukan dosa adalah kesan daripada sifat kecenderungan melakukan dosa yang diwarisi daripada perlakuan Adam<sup>65</sup>.

Keterangan ini disokong oleh Lewis Mulford Adams yang menyatakan bahawa kematian dan kecenderungan untuk melakukan dosa dalam setiap individu adalah diwarisi daripada Adam. Sekiranya Adam tidak melakukan dosa, Adam akan tinggal kekal di dalam Eden selama-lamanya. Kematian dan dosa tidak akan

<sup>64</sup> John Hick (1985), *Evil and the God of Love*. Hal. 230.

<sup>65</sup> *Ibid.* dan bandingkan dengan *Roman 5 : 18-19*.

diwarisi oleh manusia. Malangnya, Adam tidak patuh kepada perintah Allah sehingga mengakibatkannya dihukum keluar daripada Syurga dan turun ke dunia<sup>66</sup>.

Seterusnya menurut ; kepercayaan Gereja Roman Katholik, dosa Adam dipindahkan kepada keturunannya melalui hubungan seksual. Ibu bapa yang berdosa seperti Adam dan Eve tidak mungkin akan melahirkan anak yang suci. Justeru, dosa warisan yang diperolehi oleh seorang anak adalah ambilan hasil keturunan daripada ayah secara berterusan. Keadaan ini dapat dikiaskan dengan proses jangkitan sesuatu penyakit. Memandangkan rohani dan jasmani seseorang ayah iaitu Adam telah dijangkiti oleh dosa warisan, maka keturunannya seterusnya turut dijangkiti dengan dosa warisan. Manusia seterusnya menjadi keliru dalam menilai kebenaran dan senang untuk menolaknya. Akhirnya kejahatan menjadi perhiasan dalam diri mereka. Manusia akan sentiasa melakukan perkara-perkara yang berlawanan dengan kehendak Tuhan dan turut menolak keimanan dan kecintaan kepada Tuhan<sup>67</sup>.

.....

Richard Swinburne dalam bukunya *Faith and Reason* pula menerangkan bahawa ekoran kesalahan dan dosa itu, manusia sentiasa berkeluh kesah kerana ingin kembali berhubung rapat dengan Tuhan tetapi dalam masa yang sama kecenderungan untuk melakukan kejahatan dan dosa sentiasa wujud di dalam diri. Kecenderungan diri melakukan dosa tetap berterusan dalam diri manusia disebabkan wujudnya keburukan dan kejahatan di dunia. Faktor tersebut telah

<sup>66</sup> Lewis Mulford Adams (1953), *Websters Unified Dictionary and Encyclopedia*. Hal. 3093.

<sup>67</sup> Walter Farquhar Hook (1852), *Church Dictionary*. Hal. 449.

mendorong manusia sentiasa ingin melakukan keburukan dan kejahatan kerana terpengaruh dengan nilai-nilai keburukan dan kejahatan yang terdapat di sekeliling dan juga di dalam dirinya. Pertentangan ini menyebabkan diri manusia sentiasa dihantui oleh perasaan bersajah<sup>68</sup>.

Menurut beliau lagi, keadaan manusia yang berdosa ini tentunya sangat memerlukan kepada satu jalan penyelesaian. Manusia tidak mempunyai pilihan kecuali dengan bertaubat. Taubat penting dilakukan untuk mencari keredaan Tuhan dan mendapat rahmat atau *grace* daripada-Nya. Manusia yang tidak bertaubat daripada dosa yang dilakukan akan mendapat hukuman daripada Tuhan<sup>69</sup>. Kepentingan taubat dalam Gereja Roman Katholik dapat difahami daripada kata-kata David ketika memohon keampunan daripada Tuhan dalam *The Old Testament* (*Psalm 51:1-7*):

*"Have mercy on me, O God, according to your unfailing love; according to your great compassion blot out my transgressions. Wash away all my iniquity and cleanse me from my sin. For I know my transgressions, and my sin is always before me. Against you, you only have I sinned and done what is evil in your sight so that you are proved right when you speak and justified when you judge. Surely I was sinful at birth, sinful from the time my mother conceived me. Surely you desire truth in the inner parts (meaning of the Hebrew for this phrase is uncertain); you teach (or you desired...you taught) me wisdom in the inmost place. Cleanse me with hyssop, and I will be clean; wash me, and I will be whiter than snow."*

Daripada kenyataan di atas, dapat difahami bahawa David mengakui tentang kesalahan dan dosa dirinya bukan sahaja disebabkan oleh dosa yang

<sup>68</sup> Richard Swinburne (1981), *Faith and Reason*. New York: Oxford at the Clarendon Press. Hal 130

<sup>69</sup> *Ibid.*

dilakukannya, malahan kesan daripada dosa yang wujud semasa beliau di dalam kandungan ibunya lagi.

Kenyataan di atas juga memperlihatkan bahawa taubat dari dosa mesti dilakukan oleh manusia tanpa mengira samada mereka melakukan kesalahan atau sebaliknya kerana kejahatan telah pun ada di dalam diri mereka semenjak dari dalam kandungan akibat daripada kesalahan yang dilakukan oleh Adam dan Eve.

Gereja Roman Katholik juga melihat dosa warisan itu dari sudut penentangan atau *rebellion* manusia terhadap Tuhan. Oleh itu, jika dilihat dari sejarah Adam, dosa yang dilakukannya adalah merupakan suatu pelanggaran dan penentangan terhadap larangan Tuhan yang menegah beliau memakan buah daripada pohon larangan. Demikian juga yang berlaku kepada keturunannya yang sentiasa melakukan dosa seolah-olah untuk menunjukkan pemberontakan jiwa dan diri mereka terhadap Tuhan. Keadaan ini menyebabkan mereka jauh daripada kasih sayang Tuhan. Walau bagaimanapun, menurut pandangan Kristian Katholik, keturunan Adam yang melakukan dosa tidak dibalas sebagaimana balasan yang diterima oleh Adam. Adam yang melakukan dosa telah dikeluarkan oleh Tuhan daripada Eden dan dihumbangkan ke dunia. Sementara anak keturunannya yang melakukan dosa hanya akan mengakibatkan nilai-nilai kemanusiaan di dalam diri mereka menjadi rendah<sup>70</sup>.

<sup>70</sup> J.R Lucas (1976), *Freedom and Grace*. Michigan: William B. Eerdmans Publishing Company Grand Rapids. Hal. 42. Lihat juga *Romans 8 : 7* dan *1 Timothy 2 : 13-14*.

Selanjutnya dosa warisan juga dianggap sebagai percubaan manusia untuk membebaskan diri daripada kawalan dan undang-undang Tuhan. Percubaan ini telah menimbulkan kemurkaan Tuhan dan menyebabkan Tuhan menjauhkan dirinya daripada manusia. Selain daripada itu, dosa warisan juga dilihat sebagai suatu penebusan yang berbentuk universal. Justeru semua manusia tidak dapat lari daripada belenggu dosa warisan. Semua manusia menanggung dosa ini tanpa mengira samada mereka seorang bayi, kanak-kanak ataupun orang dewasa. Akibat dari kepercayaan bahawa dosa warisan itu adalah bersifat universal maka penebusan yang dilakukan oleh Jesus Christ terhadap kesalahan manusia itu dikatakan sebagai satu bentuk penebusan universal kerana ia menebus dosa sekalian manusia<sup>71</sup>.

Karl Barth dalam bukunya *"Church Dogmatics"* menyatakan bahawa doktrin dosa warisan dalam agama Kristian khususnya Gereja Roman Katholik, adalah suatu yang begitu signifikan. Doktrin ini telah menjadi asas kepada pembentukan doktrin Jesus Christ sebagai penyelamat. Ini kerana dengan kewujudan dosa warisan telah menyebabkan manusia terpaksa menanggung penderitaan jiwa di dalam memulihkan kembali hubungan mereka dengan Tuhan. Penderitaan manusia ini telah mendapat simpati Tuhan dan lanjutan daripada itu, Tuhan telah menjelma di dalam bentuk Jesus Christ bagi menanggung penderitaan sekaligus sebagai pampasan terhadap kesalahan manusia. Menurut beliau lagi, peranan Jesus Christ amat besar dalam menghapuskan dosa manusia itu dan

---

<sup>71</sup> Emil Brunner (1952), *The Christian Doctrine*. Hal. 91.

beliau sendiri memberikan gelaran *the Man of Sin* ataupun manusia dosa sebagai penghargaan yang tidak terhingga kepada Jesus Christ<sup>72</sup>.

Emil Brunner kemudiannya menjelaskan bahawa dosa warisan bukanlah suatu permulaan kepada manusia untuk mendekatkan diri kepada Tuhan tetapi merupakan suatu *turning-away* kerana menjauahkan diri daripada Tuhan. Ini bertepatan dengan kenyataan yang dinukilkkan oleh Emil Brunner di dalam bukunya *The Christian Doctrine of Creation and Redemption Dogmatics*, bahawa orang yang melakukan dosa itu adalah:

"You have fallen away, you have strayed, you have been unfaithful. You have forsaken God; you have broken the Covenant, you have left Him for other gods. You have turned your backs upon Him."<sup>73</sup>

Kenyataan Emil di atas telah menperjelaskan dengan lebih tegas tentang konsep dosa warisan yang ada di dalam agama Kristian.

Sementara itu di pihak yang lain, Tuhan kemudiannya dikatakan ingin memulihkan kembali hubungan dengan manusia di atas dasar kasih dan sayang-Nya. Tuhan merasakan bahawa ia wajib mendekatkan diri-Nya dengan manusia bagi menyelamatkan mereka. Justeru, Tuhan mengutuskan anak-Nya sebagai salah satu cara untuk memperbaiki hubungan manusia dengan Tuhan yang menjadi renggang sejak zaman Adam lagi. Untuk tujuan tersebut, Tuhan telah mengutuskan satu-satunya anak tunggal-Nya (Jesus) untuk membaiki hubungan-

<sup>72</sup> Karl Barth (1958), *Church Dogmatics*. Edinburgh: T&T Clark. vol. iv. Hal. 378.

<sup>73</sup> Emil Brunner (1952), *The Christian Doctrine of Creation and Dogmatics*. Hal. 91.

Nya dengan manusia. Kepercayaan seumpama ini dikenali sebagai *The Plan of The God* ataupun *Pelan Perdamaian Tuhan*<sup>74</sup>.

Tuhan yang bersifat kasih sayang telah mengurniakan Jesus Christ sebagai penebus dosa untuk memastikan setiap individu manusia ini dapat mengecapi kebahagiaan melalui perdamaian dengan Tuhan. Perdamaian ini hanya dapat dilaksanakan melalui pensaliban Jesus Christ. Justeru manusia yang berdosa dapat berhubungan dengan Tuhan yang suci atas dasar kasih sayang Jesus Christ yang dicernakan melalui pengorbanan yang sentiasa dirahmati oleh *Holy Spirit*. Bertitiktolak daripada doktrin dosa warisan ini, melahirkan konsep kepercayaan kepada triniti iaitu kasih sayang Tuhan dicernakan melalui pengorbanan Jesus Christ dengan naungan *Holy Spirit*<sup>75</sup>. Ini bererti doktrin dosa warisan ini adalah tunjang kepada akidah dalam agama Kristian khususnya di dalam Gereja Roman Katholik.

Sarjana Islam turut mengemukakan pandangan dan ulasan mereka tentang dosa warisan yang menjadi asas akidah Gereja Roman Katholik. Akan tetapi, ulasan mereka ini tidaklah bermaksud untuk menyokong atau bersetuju dengan doktrin tersebut. Mereka hanya mengemukakan pandangan berdasarkan perbincangan yang telah dikemukakan oleh sarjana Kristian semata-mata. Pendirian sebenar sarjana Islam akan dikupas dalam bab empat<sup>76</sup>.

<sup>74</sup> *Infra*. Bab ini. Hal. 56-57.

<sup>75</sup> Khadijah Mohd. Khambali @ Hambali (1995), "Triniti Menurut Kristian". *Jurnal Usuluddin*. Kuala Lumpur: ALUM. Bil. 2. Hal. 36-45.

<sup>76</sup> *Infra*. Bab empat. Hal. 97-126.

Dr. Ahmad Shalabiyy menjelaskan bahawa doktrin dosa warisan merupakan asas utama pembinaan akidah Kristian. Doktrin tersebut merupakan suatu penghormatan agung kepada Jesus Christ kerana kesanggupannya mengorbankan diri bagi menyelamatkan seluruh manusia daripada bebanan dosa warisan. Penganut Kristian menganggapnya sebagai rahmat Tuhan kepada manusia kerana kesudian Tuhan menyediakan anaknya untuk tujuan tersebut. Teori ini adalah dikenali sebagai teori penghapusan dosa dan penebusan<sup>77</sup>.

Dr. ٰAliyy ٰAbd al-Halîm Mahmûd pula mengatakan bahawa doktrin dosa warisan dan penebusan dosa adalah tonggak akidah Kristian. Akidah ini diasaskan oleh St. Paul yang dipercaya telah meniru dan mencedoknya daripada agama Greek, Rom dan Pagan<sup>78</sup>. St. Paul kemudian mengadunnya sehingga memperlihatkan agama Kristian sebagai agama universal<sup>79</sup>.

<sup>77</sup> Ahmad Shalabiyy (1984), *Muqâranah al-Adyân : al-Masihiyyah* (2). al-Qâhirah: Maktabah al-Misriyyah, cet.3. Hal. 136-137.

<sup>78</sup> Perkataan pagan diambil daripada Bahasa Latin yang bererti penduduk asal sesebuah kampung atau negeri dan turut bermaksud seseorang yang tinggal jauh daripada kemajuan. Perubahan penggunaannya sebagai satu istilah agama dikatakan mempunyai kaitan dengan para penganut asal agama ini. Mereka merupakan golongan primitif yang tidak mempunyai agama pada asalnya telah melantik dan mengambil seseorang yang dianggap istimewa di kalangan mereka sebagai seorang yang agung dan akhirnya disembah sebagai Tuhan. Contoh yang terbaik boleh dilihat sebagaimana yang dilakukan oleh bangsa Mesir Purba apabila mereka melanjik Osiris yang asalnya merupakan seorang raja sebagai salah seorang Tuhan mereka. Pada lazimnya perkataan pagan ditujukan kepada agama-agama *oriental* ataupun agama budaya yang wujud di sekitar Asia Barat dan Eropah pada masa sebelum, semasa dan selepas era Jesus Christ. Contoh agama yang termasuk di dalam agama Pagan ialah agama-agama di Mesir Kuno, Mesopotamia, Kan'an, Greek, Rom, dan India (Hindu dan Budha). Agama Pagan merupakan agama purba dan kesemuanya mempunyai asas yang sama iaitu mempercayai *polytheism*. Agama-agama yang mempunyai konsep yang sama dengan agama pagan juga wujud di seluruh dunia. Di Asia Tenggara seperti di Kepulauan Borneo, terdapat agama pagan dan ia banyak dianuti oleh masyarakat orang asli. Lihat Charles Hose & William Mc Dougall (1993), *The Pagan Tribes of Borneo*. Singapore: Oxford University Press, jilid 2, hal. 5-19 dan Ivor H.N. Evans (1970), *Studies In Religion, Folk-Lore & Custom In British North Borneo and the Malay Peninsular*. London: Frank Cass & Co Ltd., cet. 2, hal. 134-159.

<sup>79</sup> ٰAliyy ٰAbd al-Halîm Mahmûd (1988), *al-Masihiyyah Nasy'atu-hâ wa Tatâwuruhâ*. Hal. 123-27.

Dr. Manīḥ Hammād al-Johāniyy seterusnya mengemukakan ulasannya iaitu dosa warisan adalah dogma penting agama Kristian yang wajib diimani oleh setiap individu Kristian. Ia terhasil ekoran sikap terlalu mendewakan nabi Isa. Pegangan ini akhirnya telah meletakkan titik pemisah di antara pegangan Kristian dan Islam<sup>80</sup>.

Berdasarkan penjelasan dan huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa doktrin dosa warisan merupakan asas utama akidah Gereja Roman Katholik. Penganut Kristian khususnya Roman Katholik meletakkan dosa warisan adalah dosa Adam yang telah mewujudkan kematian dan merubah keadaan asal manusia yang baik menjadi cenderung untuk melakukan kejahatan. Dosa tersebut akhirnya mengurangkan kasih sayang dan rahmat Tuhan yang asalnya telah dianugerahkan kepada manusia melalui Adam dan Eve.

#### E . DOSA WARISAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN JESUS CHRIST

Hubungan antara dosa warisan dengan misi pengutusan Jesus menurut Gereja Roman Katholik adalah relatif<sup>81</sup>. Kepercayaan kepada dosa warisan telah membawa kepada wujudnya doktrin penyelamatan di dalam agama Kristian. Kenyataan ini diperkuatkan lagi di dalam buku-buku tulisan sarjana yang membahaskan topik ini. Mereka mengistilahkan hubungan antara doktrin penyelamatan dan dosa warisan ini sebagai doktrin *Plan of The God*. Mengulas tentang *Plan of The God* ini, Richard Swinburne di dalam bukunya *Faith and*

<sup>80</sup> Manīḥ Hammād al-Johāniyy (1981), *The Truth About Jesus*. Virginia: IIIT. Hal. 3-4.

<sup>81</sup> Temubual dengan Father Stan pada 18. 8. 1999 di Roman Catholic Church, Jalan Gambut, Kuantan, Pahang.

**Reason** memasukkan istilah perdamaian di dalam penerangannya terhadap keindahan ajaran agama Kristian. Beliau berkata<sup>82</sup>:

*"The first good purpose for a man to pursue a religious way is that suggested by my definition of a religion to achieve his own salvation. A man seeks to understand the world, to acquire forgiveness from God and reconciliation to him, guidance on the most waorthwile way to live, and an opportunity so to live, and a continuation and deepening of this well-being in a happy after-life."*

Nyata sekali doktrin *Plan of The God* itu menggambarkan kesepaduan antara doktrin dosa warisan dan doktrin penyelamatan. Jesus telah diletakkan sebagai jalan penyelesaian akibat dari kesalahan Adam dan Eve. Pensaliban Jesus adalah semata-mata untuk kesejahteraan manusia dan keyakinan kepada pengorbanannya telah melahirkan keyakinan bahawa Jesus Christ adalah penyelamat yang bertaraf Tuhan yang diutus kepada manusia.

Kaitan antara Jesus Christ dan dosa warisan dapat dilihat daripada kesan pemusnahan sifat harmoni dalam jiwa manusia. Pada asasnya, manusia mempunyai orientasi yang hakiki terhadap kasih Tuhan. Pertalian ini dikenali dengan nama "tali harmoni". Apabila tali ini terputus akibat perbuatan Adam dan Eve melanggar perintah Tuhan, maka pergolakan antara perasaan bersalah dan ingin kembali kepada Tuhan telah timbul. Akibatnya, wujud pertentangan dalam diri manusia yang seterusnya melahirkan emosi negatif yang menolak keupayaan akal. Krisis ini hanya dapat diselesaikan melalui penebusan yang dilakukan oleh penyelamat yang dinanti-nantikan iaitu Jesus Christ. Ini kerana pengobanan yang

<sup>82</sup> Richard Swinburne (1981), *Faith and Reason*. Hal. 130.

dilakukan oleh Jesus di tiang salib telah menjadi jambatan yang menghubungkan kembali manusia dengan cinta kasih Tuhan yang telah terputus<sup>83</sup>.

Selain daripada itu, perlanggaran terhadap perintah Tuhan sehingga mengakibatkan manusia berdosa turut memperjelaskan kehendak manusia yang telah terdorong kepada keseronokan dan menurut hawa nafsu. Sifat ini akhirnya telah menjaskankan nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi iaitu menyerahkan diri kepada hukum Tuhan. Akibatnya, akhlak dan moral manusia rendah dan hina di hadapan Tuhan. Situasi ini menjadikan diri manusia dalam keadaan kacau bilau. Keadaan ini mengheret manusia lebih jauh daripada rahmat Tuhan dan meletakkan diri mereka terus bergelumang dengan dosa dan kesalahan. Dorongan perlakuan ini diyakini sebagai kesan daripada dosa Adam dan Eve ke atas manusia. Justeru, Tuhan yang pengasih mengutus Jesus Christ iaitu *Son of Man* dan *Son of God* untuk menghapuskan nilai-nilai negatif dalam diri manusia melalui pensalibannya demi semata-mata menyelamatkan manusia sejagat agar kembali kepada fitrah mereka yang suci<sup>84</sup>.

Selanjutnya, Jesus yang mempunyai dua keperibadian atau *two persons* yang bersatu di dalam luhurnya iaitu kemanusiaan dan ketuhanan dianggap sebagai personaliti terunggul untuk menamatkan tempoh kekacauan dan pemberontakan dalam jiwa manusia. Langkah yang diambil oleh Jesus Christ dengan mengorbankan dirinya di tiang salib merupakan bukti kasih sayang Tuhan

<sup>83</sup> Tan Chee Ingg (1995), *Pembelaan...* Hal. 45-56.

<sup>84</sup> *Ibid.*

dan Son of God kepada manusia. Pensaliban itu bertujuan mengembalikan manusia ke jalan yang benar dan diredaya Tuhan. Melalui kepercayaan pensaliban Jesus Christ, para penganut Kristian akan memperolehi jaminan keselamatan apabila berhadapan dengan Tuhan pada hari Pembalasan kelak<sup>85</sup>.

Menurut Dr. Tony Hobbh, sewaktu Jesus diikat di kayu salib, beliau telah berdoa agar Tuhan mengampunkan mereka yang mensalibnya. Doa ini adalah bukti agung sebagai cinta kasih Tuhan yang telah memenangi rahmat Tuhan untuk manusia. Ia sekaligus merapatkan kembali garis pemisah di antara Tuhan dan manusia yang selama ini telah terbina akibat dosa warisan<sup>86</sup>.

Justeru menurut pandangan penganut Kristian kewafatan Jesus disalib merupakan hikmah yang terbina dari teori keadilan oleh Tuhan. Ia hanya dapat difahami dari segi cinta kasih yang tidak terbatas. Ini kerana di dalam tindakan Jesus mengorbankan dirinya tertanam kasih, belas ihsan dan keadilan yang tidak terbatas kerana kehidupan yang telah musnah akibat dosa warisan telah dipulihkan kembali. Justeru bagi penganut Kristian kasih Tuhan adalah kehidupan sedangkan dosa adalah penghalang daripada mendekati Tuhan<sup>87</sup>.

Kenyataan di atas adalah bertepatan dengan keterangan yang terdapat di dalam *John 14:6* yang merakamkan kata-kata Jesus iaitu:

<sup>85</sup> Temubual dengan Rev. Paul Tan Chee Ingg.

<sup>86</sup> Tony Hobbh (1991), *Alive to God*. Singapore: Singapore National Printers Ltd. Hal. 35-38.

<sup>87</sup> Ibid.

*"I am the way and the truth and the life. No one comes to the Father except through me."*

Dan juga kenyataan **John 1: 4** yang berbunyi:

;

*"In him was life, and that life was the light of man."*

Keterangan di atas memperlihatkan bahawa sememangnya hubungan antara dosa warisan dan misi penyelamatan Jesus adalah rapat dan saling berkaitan. Kedua-dua doktrin tersebut saling memerlukan dan melengkapi antara satu sama lain sebagai tunjang keyakinan agama Kristian khususnya Gereja Roman Katholik. Dosa yang dilakukan oleh Adam dan Eve telah dihapuskan oleh tindakan penyelamatan Jesus Christ sebagai jalan penyelesaian untuk meyelamatkan keturunan manusia di dunia ini.

#### F . KESIMPULAN

.....

Gereja Roman Katholik mempercayai bahawa kesalahan Adam dan Eve di Eden telah menyebabkan manusia dan keturunannya dibelenggu oleh dosa warisan. Akibat dari dosa tersebut penilaian dan norma baik manusia telah bertukar kepada kecenderungan untuk sentiasa melakukan kejahatan.

Gereja Roman Katholik mempercayai bahawa Adam dan Eve terjerumus ke dalam krisis dosa kerana mereka mahu menjadi seperti Tuhan iaitu berhasrat be

*like God, knowing good and evil.* Adam dan Eve ingin menjadi serba tahu, berkuasa dan takbur. Sedang pada asasnya sebagai makhluk manusia telah diorientasikan kepada Penciptanya. Tuhan sewajibnya menjadi tumpuan hidup mereka. Secara semulajadi manusia diwajibkan bergantung kepada-Nya dan mesti berserah kepada Tuhan. Tetapi Adam dan Eve enggan berserah kepada Tuhan. Sebaliknya mereka berdua mahu menjadikan diri mereka sebagai tumpuan dan membina norma kehidupan sendiri. Adam dan Eve mahu menjadi seperti Tuhan. Inilah dosa warisan atau dosa asal.

Dosa warisan juga telah menjadi penghalang kepada manusia untuk menjalin hubungan dengan Tuhan. Keadaan ini berlanjut sehingga Tuhan telah melimpahkan rahmat-Nya dengan menyerahkan *Son of Man* dan *Son of God* agar disalib sebagai penebus dan sekaligus penyelamat daripada krisis kejiwaan yang melanda manusia.

Sehubungan dengan itu, doktrin dosa warisan mempunyai kaitan yang amat rapat dengan kepercayaan bahawa Jesus Christ adalah penyelamat manusia. Dosa warisan dianggap sebagai asas utama di dalam membina doktrin-doktrin lain agama Kristian antaranya Jesus Christ adalah penyelamat manusia daripada belenggu dosa warisan.